



DASAR SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (SPKM)

Majlis Perbandaran Pekan (MPP) komited untuk mengamalkan prinsip dasar SPKM dan skop keselamatan maklumat dari segi kerahsiaan, integriti dan kebolehsediaan dalam konteks organisasi bagi memastikan tadbir urus terbaik melalui penyampaian perkhidmatan yang cekap, berkesan dan berintegriti.

Sehubungan dengan itu, MPP akan ;

- a. Memberi jaminan dan keyakinan kepada pelanggan dan pihak berkepentingan mengenai tahap keselamatan maklumat;
- b. Pematuhan kepada kehendak organisasi dan perundangan serta peraturan yang berkaitan;
- c. Pembangunan objektif dan matlamat berdasarkan objektif keselamatan maklumat;
- d. Memberikan komitmen bagi memenuhi keperluan berkaitan keselamatan maklumat;
- e. Penilaian semula dan pengubahsuaian dasar, objektif dan sasaran untuk penambahbaikan berterusan.

Adalah menjadi tanggungjawab bagi semua kakitangan membaca, memahami dan mematuhi Dasar Sistem Pengurusan Maklumat (SPKM) Majlis Perbandaran Pekan. Tindakan tatatertib boleh diambil ke atas kakitangan bagi sebarang ketakakuran dan pelanggaran dasar ini.

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN PEKAN
1 NOVEMBER 2023**

No. Rujukan : MPP/BTM/P/01
No. Pindaan/Keluaran : 00/03